



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**LAWATAN KERJA AGROPRENEUR MUDA  
SEBERANG PERAI, PULAU PINANG**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini mengadakan lawatan kerja ke Seberang Perai, Pulau Pinang. Program turun padang ini diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (I), YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian dan juga Jabatan dan Agensi dibawah MAFI.
2. Tujuan utama lawatan kerja ini diadakan adalah untuk merapatkan hubungan di antara pihak Kementerian dan golongan sasaran. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian juga boleh menyampaikan segala maklumat dan informasi berkaitan bantuan dan inisiatif kepada rakyat.
3. Lawatan kerja ini turut meninjau beberapa projek pertanian yang diusahakan oleh agropreneur muda seperti berikut;
  - i) Puan Fasiah Binti Nordin yang melaksanakan projek kek dan pastri di Paya Keladi, Kepala Batas. Usahawan ini telah berjaya memperolehi pendapatan sehingga RM30,000 setahun. Beliau juga adalah penerima bantuan Geran Agropreneur Muda dari Kementerian berjumlah sebanyak RM15,000 pada tahun 2019.
  - ii) Encik Muhammad Bukhari Bin Mohd Rashid telah menjalankan projek kambing tenusu di Kampung Tun Sardon, Bukit Mertajam, sejak tahun 2015. Usahawan ini mampu memperolehi pendapatan sehingga RM86,000 setahun. Beliau adalah penerima bantuan Geran Agropreneur Muda pada tahun 2019 berjumlah RM20,000.
  - iii) Encik Ahmad Hedri Muzammil bin Abdul Malik pula menjalankan projek tanaman sayuran di Guar Perahu, Kubang Semang. Beliau juga telah menerima bantuan Geran Agropreneur Muda pada tahun 2019 berjumlah RM 20,000. Usahawan ini mampu menjana pendapatan sehingga RM77,880 setahun.
4. Program Agropreneur Muda (PAM) dilancarkan khas untuk golongan muda yang berumur diantara 18 hingga 40 tahun. Program ini bertujuan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor pertanian dan agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani termasuk pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan *input* pertanian serta agropelancongan.

5. Geran Agropreneur Muda (GAM) yang diberikan kepada penerima adalah berbentuk barangan yang mampu meningkatkan pengeluaran hasil dan menambah pendapatan agropreneur muda. Peruntukan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM15 juta manakala sasaran usahawan agropreneur muda bagi tahun ini adalah seramai 750 orang.
6. Program-program turun padang Kementerian seperti ini akan sentiasa berterusan bagi membolehkan Jabatan dan Agensi yang memantau pelaksanaan projek dibawah Program Agropreneur Muda dapat berjumpa secara bersemuka dan saling berbincang bersama dengan para usahawan agropreneur muda dalam usaha untuk memperkasakan sektor ini, selain bagi menarik minat lebih ramai anak muda untuk menyertai bidang pertanian dan industri agromakanan negara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)  
14 OGOS 2021.**